

Wali Allah dan Cinta kepada Tuhan dalam Kisah Laila Majnun Versi Jalaluddin al-Rumi (1207-1273M) dalam *Mathnawi*

BITARA

Volume 6, Issue 2, 2023: 66-85
© The Author(s) 2023
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 2 February 2023
Accepted: 29 March 2023
Published: 1 Mei 2023

[Wali Allah and Love for God in the Story of Laila Majnun Version of Jalaluddin al-Rumi (1207-1273AD) in *Mathnawi*]

Manar Muhammad^{1*}, Indriaty Ismail¹, Faudzinaim Badaruddin¹ & Zaki Sapuan¹

1 Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.

E-mail: p114413@siswa.ukm.edu.my; indriaty@ukm.edu.my; fnaim@ukm.edu.my; a197588@siswa.ukm.edu.my

*Corresponding Author: indriaty@ukm.edu.my

Abstrak

Laila Majnun merupakan sebuah legenda cinta yang masyhur di kalangan bangsa Arab. Cerita yang diwarisi secara oral ini dihimpunkan dalam syair oleh Nizami Ganjavi (1141-1209 M). Selain daripada versi tulisan Nizami Ganjavi yang memfokuskan tragis percintaan Qais dan Laila, pengkaji mendapati terdapat versi tulisan Jalaluddin al-Rumi dalam *Mathnawi* yang menumpukan pengajaran ketuhanan dan keagamaan. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk menerokai perspektif Jalaluddin al-Rumi secara lebih mendalam. Penulisan ini menggunakan metodologi kajian secara kualitatif melalui kaedah analisis kandungan. Hasil kajian membuktikan bahawa konsep *Tazkiyah al-Nafs* iaitu 'penyucian jiwa' melalui seni penceritaan tergambar dalam gaya Jalaluddin al-Rumi. Kajian mendapati kisah Laila Majnun versi Jalaluddin al-Rumi merupakan sebuah alegori bagi perjalanan suluk murid sufi dalam mengenal Allah SWT. Dalam masa yang sama, Jalaluddin al-Rumi menekankan kepentingan guru mursyid dari kalangan wali Allah sebagai wasilah kepada murid untuk mengalami *muraqabah*, *musyahadah*, *ma'rifah* dan *mahabbah* dengan Allah SWT. Secara ringkas, Laila Majnun versi Jalaluddin al-Rumi ini mengangkat kepentingan bersama dengan Wali Allah agar dapat meraih cinta Allah SWT.

Kata kunci: Jalaluddin al-Rumi, *Mathnawi*, Laila Majnun, Wali Allah, Tauhid.

Abstract

Laila Majnun is a famous love legend among Arabs. These orally inherited stories were compiled into poetry by Nizami Ganjavi (1141-1209 M). Apart from the version written by Nizami Ganjavi which focuses on the tragic romance of Qais and Laila, the researcher found that there is a version written by Jalaluddin al-Rumi in *Mathnawi* which focuses on divine and religious teachings. Accordingly, this article aims to explore Jalaluddin al-Rumi's perspective in more depth. This writing uses a qualitative research methodology through the method of content analysis. The results of the study prove that the concept of *Tazkiyah al-Nafs*, which is 'purification of the soul' through the art of storytelling, is depicted in the style of Jalaluddin al-Rumi. The study found that Jalaluddin al-Rumi's version of Laila Majnun's story is an allegory for the journey of a Sufi student in getting to know Allah SWT. At the same time, Jalaluddin al-Rumi emphasized the importance of mursyid teachers from among the guardians of God as wasilah for students to experience *muraqabah*, *musyahadah*, *ma'rifah* and *mahabbah* with Allah SWT. In short, this version of Jalaluddin al-Rumi's Laila Majnun raises the common interest with the Guardian of God in order to gain the love of God SWT.

Keywords: Jalaluddin al-Rumi, *Mathnawi*, Laila Majnun, Wali Allah, Tauhid.

Cite This Article:

Manar Muhammad, Indriaty Ismail, Faudzinaim Badaruddin & Zaki Sapuan. (2023). Wali Allah dan Cinta kepada Tuhan dalam Kisah Laila Majnun Versi Jalaluddin al-Rumi (1207-1273M) dalam Mathnawi [Wali Allah and Love for God in the Story of Laila Majnun Version of Jalaluddin al-Rumi (1207-1273AD) in Mathnawi]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(2): 66-85.

Pengenalan

Kisah Laila Majnun iaitu sebuah cerita percintaan yang tersohor dari Timur Tengah, di mana cinta yang dialami oleh Qais terhadap Laila, membuatnya digelar sebagai Majnun yang bermaksud orang gila (Ganjavi, 2012). Pengakhiran cerita percintaan antara kedua mereka berakhir dengan tragis dan menyedihkan (Afsun Aulia dan Syamsul, t.th: 149; Megan Asri, 2019). Namun, pada akhir abad ke-12, hubungan antara Majnun dengan Laila menjadi kaya dengan simbolisme sufi (Ganjavi, 2021). Cerita tersebut disambut oleh pelbagai latar belakang masyarakat dalam versi yang berbeza (Hasson, 2018). Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa kisah Laila Majnun ini telah diteliti dalam pelbagai aspek iaitu sama ada dari segi bahasa, sejarah, tokoh atau sastera. Ia telah tersebar luas sehingga menyumbang pengaruh kepada beberapa penyair sufi yang terkemuka seperti Jalaluddin al-Rumi (Wahyu, 2020: 229).

Jalaluddin al-Rumi memasukkan petikan kisah percintaan mereka dalam *Mathnawi* dengan versi yang tersendiri bagi membahaskan beberapa bab yang bersesuaian (Rumi, 2014). Disebabkan cinta Majnun kepada Laila yang begitu mendalam, maka ia sesuai dijadikan tamsil kepada cinta yang agung. Jalaluddin al-Rumi digambarkan sebagai seorang sufi yang sentiasa menanam bibit-bibit cinta ke dalam hati manusia melalui luahan setiap bait puisi yang diungkapkan (Alavijeh & Fazel, 2022: 5-9; Pangulu et al., 2022). Justeru, artikel ini membahaskan versi Jalaluddin al-Rumi dengan mempersembahkan kisah Laila Majnun yang terdapat dalam karyanya *Mathnawi*.

Tinjauan Literatur

Jalaluddin al-Rumi dan *Mathnawi*

Seorang penyair Parsi terkenal iaitu Jalaluddin Muhammad al-Balkhi al-Rumi lahir pada 30 September 1207 Masihi bersamaan dengan 6 Rabiulawal 604 H dan wafat pada 17 Desember 1273 Masihi (Afzal, 1956). Beliau merupakan salah seorang ulama sufi yang menabur jasa besar kepada masyarakat Turki, sekaligus telah berkembang dari era dinasti Bani Seljuk abad ke-7 H/ 13 M sampailah kepada era Khilafah Uthmaniah (Abdikarimovich, 2020: 68-70). Penyebaran tarekat sufi terkenal dalam tempoh pemerintahan kerajaan tersebut. Para sahabat dan sekalian murid-muridnya meletakkan julukan '*Maulānā*' sebagai sebuah pengiktirafan di atas keilmuan dan sifat waraknya (Rumi, 2016: 11). Beliau juga masyhur dengan gelaran tokoh falsafah, sufi mistik dan penyair agung, di mana Jalaluddin al-Rumi mengetengahkan cinta kepada Tuhan yang Esa, keamanan, belas kasihan, nilai kemanusiaan, toleransi, hormat menghormati antara satu sama lain melalui pendidikan sufistik dan lain-lain lagi (Yousuf et al., 2019: 1).

Jalaluddin al-Rumi dibesarkan dalam persekitaran keluarga yang berlatarbelakangkan agama, sehinggalah beliau berkembang sebagai seorang pendakwah Islam yang dikenali ramai dan menghasilkan syair yang menjurus ke arah sufistik dan teologi (Abbaspour & Mansour, 2022: 188; Berg, 2022). Jalaluddin al-Rumi juga sudah dimuliakan sebagai anak kepada seorang ulama besar iaitu Bahauddin Walad. Jalur keturunan Jalaluddin al-Rumi bersambung dengan Sayyidina Abu Bakar al-Siddiq daripada sebelah bapanya, manakala berketurunan Sayyidina Ali bin Abu Talib daripada sebelah ibunya (Mohd Faizal dan Muhamad Hazwan, 2018: 161). Beliau diberikan kepercayaan untuk mewarisi kedudukan bapanya sebagai penasihat para ulama Konya (Mohd Faizal dan Muhamad Hazwan, 2018: 162). Namun selepas kematian ayahnya, beliau bermusafir ke Syam dan berguru dengan ramai ulama di sana (Rumi, 2016: 12-14). Jalaluddin al-Rumi menguasai *fiqh* mazhab Hanafi dan memegang akidah aliran Maturidiyah sebagai manhajnya (El-Badri, 2015: 25).

Jalaluddin al-Rumi berjaya mencapai sebuah penghayatan yang mendalam terhadap ilmu tasawuf setelah terjadinya pertemuan antara beliau dengan guru mulia iaitu Syam Tabrizi, di mana ia turut mengubah keperibadian Jalaluddin al-Rumi sebagai ahli falsafah kepada seorang ulama sufi yang hebat dan terkenal (Anisa Putri, 2020: 16). Hubungan yang terjalin begitu erat antara Jalaluddin al-Rumi dengan Syam Tabrizi ibarat kecintaan Laila dan Majnun yang sukar dipisahkan (Mohd Asyran Safwan et al., 2019: 50). Pertemuan yang berlangsung hampir sepuluh tahun akhirnya membuahkan penulisan *ghazāl* oleh Jalaluddin al-Rumi.

Penulisan Jalaluddin al-Rumi sarat dengan unsur falsafah, sufi dan idea-idea mendalam yang dibalut dengan metafora (Kilicheva & Gavkhar, 2022: 1). Karya agung *Mathnawi* yang dikarang dalam bentuk syair memiliki pengisian antologi, alegori dan nasihat agama, di mana ia turut mengaitkan tentang kisah rakyat dalam kehidupan seharian (Abbaspour et al., 2021; Kilicheva & Gavkhar, 2022: 2; Kish, 2021: 322). Penulisan ini disanjung tinggi sebagai '*Magnum Opus of Rumi*' dengan koleksi 25,668 bait yang berjaya menawan banyak hati para pencinta dan pencari rohani kerana kebenaran, kesucian, ketuhanan dan konsep 'keesaan Allah SWT' (Nicholson, 1982; Yousuf et al., 2019). Jalaluddin al-Rumi meluaskan ajarannya seiring dengan penyebaran *Mathnawi*, yang mana ketika itu berada di bawah kekuasaan Bani Seljuk di daerah Konya, Anatolia (Can, 2011: 1-7). Beliau menyebut, "*Mathnawi* kami adalah kedai ketuhanan, apa sahaja yang kamu lihat di sana, selain satu adalah berhala palsu" (Rumi, 2014: 6: 1525-1528).

Pengenalan Kisah Laila Majnun

Kisah Laila Majnun merupakan sebuah cerita rakyat (legenda) cinta klasik yang dikisahkan dari mulut ke mulut di negeri Arab sejak Dinasti Umayyah yang berkuasa pada tahun 661-750 M. (Imam Hamzah et al., 2022; Wahyu, 2020). Dari tradisi lisan, kisah tersebut kemudiannya merasuk ke khazanah sastera Parsi. Dalam masyarakat Arab Parsi ketika itu, Majnun acap kali dihubungkan dengan seorang penyair yang terdahulu iaitu Qays bin al-Mulawwah kerana keasyikannya kepada seorang gadis bernama Laila (Sulaiman, 2022: 66). Kisah ini juga popular walaupun kemunculannya sebelum penulisan '*The Tragical History of Romeus dan Juliet*' oleh Arthur Brooke pada tahun 1562 dan '*Palace of Pleasure*' oleh William Painter pada tahun 1567 (Das, 2021: 3).

Muncul banyak versi daripada cerita tersebut pada masa itu, namun versi yang paling terkenal adalah karya seorang sufi sekaligus merupakan penyair dari Parsi yang bernama Nizami Ganjavi. Nizami Ganjavi membuat epik 'Laila dan Majnun' ke tahap karya yang hampir sempurna dan matang baik dari segi ideologi mahupun seni, di mana beliau mula menggunakan imej Majnun dalam karyanya pada tahun 1188 M (Shavkatovich & Gapporov, 2022). Antara salah satu versi lain, Qays menghabiskan usia mudanya bersama Laila di perkampungan mereka, di mana mereka pernah berjumpa secara rahsia tanpa diketahui oleh orang lain dan dari situ terbit beberapa puisi cinta daripada keduanya (Das, 2021; Wahyu, 2020). Manakala dalam versi lain lagi, Qays hanya memerhatikan Laila dan terus jatuh cinta kepadanya secara langsung. Walau bagaimanapun, masing-masing versi mempunyai satu persamaan yang ketara iaitu Qays menjadi gila karena cintanya kepada Laila dan disebabkan itulah dia disebut sebagai Majnun yang bermaksud gila. Melalui kisah tersebut juga, ia menjadi suatu permulaan kepada terciptanya syair-syair Arab yang berbicara tentang romantik cinta Majnun dan kesetiaan Laila. Kemasyhuran kisah ini menyumbangkan ilham kepada ramai seniman seperti pelukis, pemain muzik atau pelakon dalam menciptakan beragam karya seni yang menggambarkan kisah cinta yang tidak kesampaian, namun cinta itu sendiri menyatukan pencinta dengan sang kekasih (Das, 2021).

Metodologi

Penulisan artikel ini menggunakan metodologi kajian kualitatif sebagai teras utama dan reka bentuk kajian adalah berfokus kepada analisis dokumen. Data atau maklumat diperoleh daripada literasi kepustakaan dan literasi kesusasteraan (Ahmad Munawar & Mohd. Nor, 2014). Kaedah menganalisis data yang diaplikasikan dalam penulisan artikel ini adalah dengan meneliti secara mendalam terhadap sorotan kajian-kajian lepas dan lain-lain rujukan sekunder yang menyokong data penyelidikan melalui buku-buku ilmiah yang berkenaan dan relevan. Sumber utama bagi data yang diperoleh adalah daripada karya agung Jalaluddin al-Rumi sendiri iaitu *Mathnawi*. Data tersebut dibincang dan dirumuskan untuk mengenal pasti penyampaian kisah Laila Majnun menurut Jalaluddin al-Rumi.

Dapatan dan Perbincangan

Perbahasan Laila Majnun Melalui Perspektif Jalaluddin al-Rumi dalam *Mathnawi* Kisah Khalifah Berjumpa Laila

“Khalifah berkata kepada Laila: “Adakah kamu dengan siapa Majnun hilang tumpuan dan dibawa sesat? Kamu tidak mempunyai kelebihan daripada jelita-jelita yang lain” “Diamlah,” dia berkata, “sebab kamu bukan Majnun” (Rumi, 2014: 1: 407-408).

Jalaluddin al-Rumi mengiaskan dalam kisah ini bahawa kecantikan sebenar sesuatu perkara hanya dapat dilihat oleh orang yang dibukakan rahsianya. Meskipun kecantikannya itu bersemi dalam diri, ia tidak dapat dilihat oleh semua orang. Dalam hal ini, hanya Majnun yang dapat memahami kecantikan sejati Laila kerana telah jatuh cinta. Maka alegori ini sebenarnya membawa erti Laila seumpama wali Allah yang berada di sekeliling umat manusia tetapi tidak

dihargai keberadaannya. Hanya murid-murid yang dibukakan cinta dapat menghargai nilai berharganya. Jalaluddin al-Rumi menyebut: “Sesiapa yang sedar ialah yang lebih tidur: kesedarannya lebih teruk daripada ketidurannya” (Rumi, 2014: 1: 409). Kesedaran tersebut bermaksud kepada harta dunia, manakala tidurnya pula merujuk kepada dunia kerohanian.

Sepertimana kecantikan Laila tidak dihargai kecuali oleh Majnun, begitu juga kemuliaan wali Allah tidak dihargai kecuali oleh murid yang ikhlas. Mesej ini diperkuatkan lagi dalam *Mathnawi* dengan bait yang terdapat pada belakang dan hadapan kisah tersebut. Dalam rangkap sebelumnya, Jalaluddin al-Rumi menulis: “Alangkah baiknya sekiranya Dia melindungi roh ini seperti Orang-orang Gua itu atau Kapal Nuh itu. Supaya daya akal fikiran ini dan mata dan telinga dapat diselamatkan daripada Banjir berjaga dan keadaan kesedaran! Oh, dalam dunia ada ramai Orang daripada Gua di sebelahmu, di depanmu, pada masa ini! Kawan ini bersama dia, Gua itu dalam perbincangan dengannya, tetapi mata dan telingamu ditutup, apa gunanya?” (Rumi, 2014: 1: 403-406).

Orang-orang Gua yang dimaksudkan adalah *Ashāb al-Kahfi* yang diselamatkan daripada raja kafir sepertimana disebut dalam firman Allah SWT bermaksud: “(Ingatkanlah peristiwa) ketika serombongan orang-orang muda pergi ke gua, lalu mereka berdoa: “Wahai Tuhan kami, kurniakanlah kami rahmat dari sisi-Mu, dan berilah kemudahan-kemudahan serta pimpinan kepada kami untuk keselamatan agama kami” (al-Quran, Surah al-Kahfi, 18: 10). Kapal Nabi Nuh AS pula menyelamatkan penumpangnya daripada banjir besar sebagaimana disebut dalam firman Allah SWT bermaksud: “Dan satu dalil lagi untuk mereka (insaf) ialah, Kami membawa belayar jenis keluarga mereka dalam bahtera yang penuh sarat” (al-Quran, Surah Yasin, 36: 41). Orang-orang Gua dan kapal Nabi Nuh AS adalah perumpamaan kepada penyelamatan diri daripada bala bencana. Apa yang berlaku kepada *Ashāb al-Kahfi* dipanggil sebagai *karamah*. Manakala *karamah* berlaku kepada wali Allah (An-Naisaburi, 2007: 525). Maka dalam rangkap seterusnya, Jalaluddin al-Rumi mengangkat wali Allah sebagai penyelamat umat Islam.

Termasuk dalam adab menuntut ilmu, seorang murid tidak sewajarnya menilai seorang guru itu sekadar pada populariti. Janganlah hanya disebabkan tidak masyhur, maka guru tersebut dipandang rendah. Hal ini seumpama khalifah yang memperkecilkan kecantikan Laila. Imam al-Ghazali dalam *Ihya' Ulumuddin* menasihati, “Dari itu tidaklah layak bagi seorang pelajar menyombong terhadap gurunya. Termasuk sebahagian daripada menyombong terhadap guru itu, ialah tidak mahu belajar kecuali pada guru yang terkenal benar keahliannya. Ini adalah tanda kebodohan. Sebab ilmu itu jalan pelepasan dan kebahagiaan. Orang yang mencari jalan untuk melepaskan diri dari terkaman binatang buas, tentu tidak akan membeza-bezakan. Apakah jalan itu ditunjukkan oleh seorang yang termasyhur atau oleh seorang yang dungu. Terkaman kebuasan api neraka, kepada orang jahil, adalah lebih hebat dari terkaman seluruh binatang buas. Ilmu pengetahuan itu adalah barang yang hilang dari tangan seorang mukmin, yang harus dipungutnya di mana sahaja diperolehnya. Dan harus diucapkannya terima kasih kepada siapa sahaja yang membawanya kepadanya” (Al-Ghazali, 2017, 1: 153).

Majnun simbolik kepada orang yang jatuh cinta, begitu juga apa yang dirasakan oleh para wali Allah SWT. Mereka (para wali) mabuk cinta dengan Allah SWT sehinggakan ibadah dan solat mereka menjadi amat mengagumkan. Seorang wali Allah SWT iaitu Sirri al-Saqati diberitakan oleh muridnya Junaid al-Baghdadi bahawa gurunya banyak beribadat, seraya berkata: “Tidaklah aku melihat yang lebih kuat beribadah daripada Sirri al-Saqati. Datang

kepadanya 98 tahun dari umurnya, maka dia tidak dilihat berbaring kecuali di waktu sakit yang membuatnya wafat” (Al-Ghazali, 2017: 8: 164). Wali Allah ialah kekasih Allah SWT. Al-Quran merakamkan kemuliaan mereka yang menjadi petunjuk kepada orang beriman. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud: “Ketahuilah! Sesungguhnya wali-wali Allah, tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita. (Wali-wali Allah itu ialah) orang-orang yang beriman serta mereka pula sentiasa bertakwa (al-Quran, Surah Yunus, 10: 62-63). Diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, sabda Nabi SAW: Allah SWT berfirman: Maksudnya: “Sesiapa yang memusuhi wali-Ku, maka Aku akan mengisytiharkan perang terhadapnya” (Al-Bukhari, kitab hal-hal yang melunakkan hati, bab tawadhuk, 2001: 6021/6502).

Jalaluddin al-Rumi menjelaskan lagi berkenaan kepentingan wali Allah dalam rentetan bait berikutnya yang mana mereka dianggap sebagai ulama iaitu pewaris para Rasul yang menyambung tugas memperkenalkan manusia kepada Tuhan. Sabda Nabi SAW: “Sesungguhnya ulama adalah pewaris para Nabi” (Al-Qazwaini, Kitab Iman, t.th.). Manusia dapat mengenal Allah SWT dengan mendampingi wali-Nya. Pada bait berikutnya Jalaluddin al-Rumi mengungkapkan: “Bayang-bayang Tuhan ialah hamba Tuhan itu yang sudah mati kepada dunia ini dan hidup melalui Tuhan. Berpeganglah kepada kainnya dengan secepat boleh tanpa ragu supaya kamu dapat diselamatkan di dalam kain hari-hari terakhir. Bagaimana Dia memanjangkan bayang-bayang itu ialah rupa wali yang menunjuk jalan ke cahaya Matahari Tuhan” (Rumi, 2014: 1: 423-425). Justeru itu, Jalaluddin al-Rumi menasihati: “Jadilah debu di bawah kaki orang-orang Tuhan. Campakkanlah debu di atas kepala kecemburuan seperti yang kami lakukan” (Rumi, 2014: 1: 436).

Majnun Menepuk Anjing yang Tinggal di Kediaman Laila

“Seperti Majnun yang kelihatan menepuk seekor anjing dan menciumnya dan melebur di depannya: Dia ke hulu ke hilir di sekelilingnya, membongkok dengan tawaduk dalam tawaf: dia juga memberikannya gula julap asli. Seorang yang bercakap sambil lewa berkata, “Oh Majnun tiga suku, kemunafikan apakah ini yang kamu sentiasa paparkan? Muncung anjing sentiasa memakan najis: seekor anjing mengikis lubang tahinya dengan bibirnya.” Dia menceritakan kembali kekurangan anjing dengan panjang lebar: tidak ada siapa yang melihat kesalahan dapat menghidu mengenainya yang ketahui benda-benda ghaib. Majnun berkata, “Kamu adalah sepenuhnya bentuk dan jasad: masuklah ke dalam dan pandanglah ia melalui mataku: Kerana ini ialah azimat yang dimeterai dengan Rabb: ini ialah penjaga kediaman Laila. Tengoklah hasratnya yang tinggi dan hati dan roh dan ilmunya: di mana ia memilih dan membuatnya tempat kediamannya” (Rumi, 2014: 3: 567-574).

Jalaluddin al-Rumi mengajarkan untuk melihat lebih dalam melangkaui rupa luaran. Jika dipandang secara kasar, anjing sememangnya tidak mempunyai sebarang keistimewaan. Lain halnya dengan pandangan Majnun, di mana dia mendekati dan mengusap seekor anjing dengan belaian manja dan mesra. Tindakan itu berlaku disebabkan anjing tersebut berasal daripada kampung Laila. Maka kehadiran anjing tersebut mengingatkan kepada Laila, bagaikan anjing itu menjadi utusan Laila. Anjing itu istimewa kerana berkait dengan Laila yang istimewa di hati Majnun.

Intipati bait *Mathnawi* ini diperjelaskan lagi menerusi rangkap selanjutnya iaitu: “Sekiranya kamu melangkaui rupa, Oh kawan, ia Syurga dan taman mawar di dalam taman mawar! Apabila kamu telah memecahkan dan memusnahkan rupamu sendiri, kamu telah belajar pecahkan bentuk semua benda” (Rumi, 2014: 3: 577-578). Nasihat di sini mengajarkan manusia untuk melihat makna hakikat di setiap sesuatu perkara. Jangan membantah sesuatu yang baik hanya kerana ia datang dengan rupa yang hodoh. Jangan juga menerima sesuatu yang buruk asalkan dibungkus dengan rupa yang cantik. Usah menjadi seperti burung yang dijerat kerana terpedaya dengan umpan yang menyelerakan. Jalaluddin al-Rumi mengucapkan bahawa: “Dengan gembira terhadap perangkap keampunan itu, seperti burung terhadap umpan dugaan. Burung itu menganggap umpan itu tanda kebaikan, hadiah itu yang teramat tamak dan bukan kemurahan hati. Kerana menginginkan umpan, burung-burung kecil terbang riang dan berlari menuju penipu itu.” (Rumi, 2014: 3: 582-584).

Perumpamaan seperti anjing yang diusap Majnun adalah petunjuk kepada Laila, maka begitulah sesuatu perkara boleh menjadi petunjuk kepada sebuah tujuan utama. Setiap orang memerlukan petunjuk agar tidak lupa kepada tujuannya. Tanpa petunjuk, perjalanan menjadi sukar dan bertambah panjang. Jalaluddin al-Rumi berkata: “Sekiranya sesiapa pergi dalam perjalanan tanpa ketua, setiap perjalanan dua hari menjadi seratus tahun” (Rumi, 2014: 3:588).

Justeru, petunjuk yang paling pasti dan yakin ada pada baginda Rasulullah SAW. Maka, tiada yang lebih layak dan lebih mulia bagi menjadi petunjuk kepada Allah SWT kecuali Nabi Muhammad SAW. Oleh itu, Jalaluddin al-Rumi menyebutkan bahawa: “Di manakah seorang Mustafa yang badannya roh, supaya dia harus jadi al-Rahman mengajar Quran itu? Kepada kesemuanya yang rapat dengan badan, Dia dalam limpahan pemberian, naikkan Dia mengajar dengan kalam sebagai cara” (Rumi, 2014: 3: 593-594).

Majnun Tidak Mahu Dibedah kerana telah Menyatu dengan Laila

“Daripada kesengsaraan kerana perpisahan, maka datang dengan tiba-tiba satu penyakit ke dalam badan Majnun. Oleh api keinginan, darahnya mendidih, supaya bengkak bernanah di kerongkong kelihatan dalam si gila itu. Maka tabib itu datang untuk mengubatinya dan berkata, “Tidak ada jalan selain membekamnya. Membekam itu perlu untuk mengeluarkan darah itu.” Seorang pembekam mahir pun datanglah ke sini, dan membalut tangannya dan mengambil tusuk, terus kekasih ghairah itu menjerit, “Ambillah upahmu dan tinggalkan membekam itu! Sekiranya aku mati, biarkan jasadku yang lama pergi!” “Kenapa,” dia berkata, “kenapakah kamu takut akan ini, sedangkan kamu tidak takut akan singa dari hutan? Singa-singa dan serigala-serigala dan beruang-beruang dan keldai-keldai liar dan binatang-binatang liar berkumpul di sekelilingimu pada waktu malam: Bau manusia tidak sampai kepada mereka daripadamu kerana banyaknya kasih dan keghairahan di hatimu.” Serigala dan beruang dan singa ketahui apa itu cinta: dia yang buta kepada cinta lebih rendah daripada anjing. Sekiranya anjing tidak ada surat cinta, bagaimana harus anjing Gua itu mencari hati itu? Lebih lagi, di dunia ada yang sejenisnya, seperti anjing dari sudut rupa, walaupun tidak diraikan. Kamu belum menghidu hati dalam jenisnya sendiri: bagaimana harus kamu menghidu hati itu dalam serigala dan biri-biri? Sekiranya tidak ada Cinta, bagaimana harus ada kewujudan? Bagaimana harus roti melekatkan dirinya kepadamu dan mu? Roti menjadimu: melalui apa? Melalui cinta dan selera: kalau tidak, bagaimana harus roti ada laluan kepada roh itu? Cinta membuat roti mati

itu menjadi roh: ia membuatkan roh yang boleh binasa, abadi. Majnun berkata, “Aku tidak takut tusuk: ketahananku lebih besar daripada gunung yang dibentuk dengan batu. Aku petualang: jasadku tidak senang tanpa pukulan: aku kekasih: aku selalu berhubung rapat dengan pukulan. Tetapi kewujudanku dengan Laila: cengkerang ini diisi dengan sifat-sifat Mutiara itu. Aku takut, oh pembekam, seandainya kamu mengalirkan darahku, kamu tiba-tiba menyebabkan luka dengan tusukmu ke atas Laila! Daya akal fikiran yang hatinya diterangi tahu bahawa antara Laila dan aku tidak ada perbezaan” (Rumi, 2014: 5: 1999-2019).

Majnun meletakkan cinta sebagai sesuatu yang boleh mengubah keadaan ‘pencinta’. Menukarkan dari mengutamakan kehendak diri sendiri kepada mengutamakan kehendak kekasih. Hal ini ditampilkan oleh Majnun ketika menolak untuk dilakukan kerana berasa di dalam dirinya sudah tidak memiliki diri sendiri. Di dalam diri Majnun, yang tersisa hanyalah cinta kepada Laila sahaja kerana cinta kepada diri sendiri sudah lenyap dan digantikan dengan cinta kepada Laila. Hal ini menonjolkan keutamaan pencinta mestilah kepada kekasih semata-mata. Inilah definisi cinta menurut Jalaluddin al-Rumi sebagaimana yang telah ditampilkan dalam beberapa hadis Nabi SAW yang membawa nuansa cinta mengutamakan kekasih lebih daripada diri sendiri.

Hadis tersebut dengan terjemahan iaitu daripada Abdullah bin Hisyam RA bahawa beliau berkata: “Kami pernah bersama Nabi SAW, sementara baginda memegang tangan Umar bin Khattab RA, maka Umar berkata kepada baginda: Wahai Rasulullah, sesungguhnya engkau lebih aku cintai daripada segala sesuatu kecuali diriku sendiri. Maka Nabi SAW bersabda: Tidak, demi Allah yang jiwaku berada di tangan-Nya, hinggalah kamu lebih mencintai aku daripada dirimu sendiri. Umar berkata kepada baginda: Sesungguhnya sekarang engkau lebih aku cintai daripada diriku sendiri. Nabi bersabda: Saat ini wahai Umar (benarlah cinta kamu)” (Al-Bukhari, 2001: 6142). Seterusnya, dari Anas bin Malik RA, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Tidak beriman salah seorang di antara kalian, hingga menjadikan aku lebih dicintai daripada orang tuanya, anaknya dan seluruh manusia” (Ahmad, 2001: 12349).

Pengertian lenyapnya ingatan kepada diri sendiri sudah digambarkan dalam sebuah hadis lain. Apabila keutamaan kepada diri sendiri sudah hilang, maka keutamaan kepada kekasih akan mengambil tempat. Hal ini hanya boleh terjadi apabila cinta kepada kekasih betul-betul menguasai diri dan mengalahkan cinta kepada diri sendiri. Jalaluddin al-Rumi berkata: “Dia menjawab, “Aku telah menjadi yang bukan apa-apa di dalammu sehingga aku penuh denganmu dari kepala ke kaki. Daripada kewujudanku, tidak ada apa-apa di dalamku kecuali nama. Dalam kewujudanku, tidak ada apa-apa kecualimu, Oh kamu yang harapan-harapanmu dipuaskan! Dengan cara itu aku telah dikosongkan, seperti cuka di dalammu satu lautan madu” (Rumi, 2014: 5:2022-2024).

Cinta mengubah pencinta menjadi lebih baik. Berikut dalam sebuah hadis *qudsi* dari Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah SWT berfirman: Siapa saja yang memusuhi wali-Ku, maka sungguh Aku telah mengumumkan perang kepadanya. Dan tidaklah seorang hamba mendekat kepada-Ku; yang lebih Aku cintai daripada apa-apa yang telah Aku fardukan kepadanya. Hamba-Ku terus-menerus mendekat kepada-Ku dengan ibadah-ibadah sunnah hingga Aku pun mencintainya. Bila Aku telah mencintainya, maka Aku pun menjadi pendengarannya yang ia gunakan untuk mendengar, menjadi penglihatannya yang ia pakai untuk melihat, menjadi tangannya yang ia gunakan untuk berbuat, dan menjadi kakinya yang ia pakai untuk berjalan. Bila ia meminta kepada-Ku, Aku

pun pasti memberinya. Dan bila ia meminta perlindungan kepada-Ku, Aku pun pasti akan melindunginya” (al-Bukhari, 2001: 6021).

Majnun dan Unta Betina

“Sesungguhnya, kedua-duanya (akal fikiran dan nafsu) adalah seperti Majnun dan unta betina: yang itu menarik ke depan dan yang ini ke belakang dalam permusuhan. Keinginan Majnun meluru terhadap kehadiran Laila itu: keinginan unta betina itu berlari balik kepada anaknya. Sekiranya Majnun lupa akan dirinya walau sesaat, unta betina akan berpusing dan berpatah balik. Oleh sebab badannya penuh dengan cinta dan keghairahan, dia tidak ada apa-apa pilihan kecuali menjadi tak keruan. Yang itu yang berprihatin daya akal fikiran: keghairahan akan Laila membawa daya akal fikiran pergi. Tetapi unta betina itu sangat prihatin dan bersedia: bila sahaja dia melihat penambat talinya longgar, dia akan dengan serta-merta melihat bahawa dia telah menjadi tidak kisah dan terpegun, dan akan palingkan mukanya semula kepada anaknya tanpa membuang masa. Apabila dia sedar akan dirinya sekali lagi, dia akan lihat di tempat itu bahawa dia telah pergi berpuluh *farsakh* ke belakang. Dalam keadaan ini, Majnun kekal pergi ke sana ke mari selama bertahun-tahun untuk perjalanan tiga hari. Dia berkata, “Oh unta, oleh sebab kami berdua kekasih, maka kami berdua yang berlawanan ialah teman mengembara yang tidak sesuai! Kasih-sayang dan penambat talimu tidak bersesuaian denganku: ia bersesuaian untuk memilih untuk berteman selain daripadamu.” Kedua-dua teman mengembara ini (akal dan nafsu) ialah penyangak memerangkap satu sama lain: hilanglah roh yang tidak turun daripada tunggangan daripada jasad. Roh itu kerana perpisahan dari Syurga yang tertinggi ada satu kemahuan: badan, disebabkan keghairahan akan pokok renek berduri, adalah seperti unta betina. Roh membuka sayapnya ke atas: jasad telah melekatkan kukunya ke dalam bumi. “Selagi kamu bersamaku, oh kamu yang terpikat sehingga sanggup mati untuk rumahmu, sekiranya begitu, rohku akan kekal jauh daripada Laila! Daripada pengalaman seperti ini, masa hidupku, selama beberapa tahun, telah pergi, seperti padang pasir dan orang-orang Musa. Pengembaraan ini kepada penyatuan satu perkara yang mengandungi dua langkah: kerana jeratmu, aku telah kekal enam puluh tahun dalam perjalanan. Jalan itu dekat, tetapi aku telah leka sangat lama: aku sudah sakit dengan tunggangan ini, sakit, sakit.” Dia mencampakkan dirinya kepala dulu daripada unta. Dia berkata, “Aku dibakar dengan sengsara: berapa lama, berapa lama?” Padang pasir yang luas menjadi sempit untuknya: dia campakkan dirinya ke tempat berbatu. Dia (Majnun) campakkan dirinya dengan begitu ganas sehingga badan orang yang berani itu retak. Apabila dia campakkan dirinya ke atas tanah seperti ini, pada saat itu juga dengan *qada'* (Tuhan), kakinya patah. Dia ikat kakinya dan berkata, “Aku akan jadi bola, aku akan pergi bergolek terus di lengkung pemukul-Nya” (Rumi, 2014: 4: 1533-1555).

Jalaluddin al-Rumi membawakan kisah Majnun dalam petikan di atas yang bermusafir ke tempat Laila dengan menaiki seekor unta betina. Kebetulan pada ketika itu, unta yang ditunggang baru melahirkan anak. Maka ingatan di kepala unta pun masih teringat-ingat akan anaknya. Semasa perjalanan di tengah padang pasir, Majnun sering berkhayal mengingati Laila. Menyedari kelalaian Majnun, unta betina ini berpusing kembali menuju ke kampung asalnya kerana tidak mahu berpisah dengan anak yang baru dilahirkan tersebut. Apabila tersedar, Majnun berasa hairan dan terus memusingkan semula untanya ke negeri Laila. Perkara ini berlaku berulang-ulang kali. Sering kali Majnun berkhayal mengingati Laila dan sering kali

juga unta tanggungannya berpaling mahu pulang. Hal ini membebaskan Majnun kerana dia perlu berulang kali membetulkan untanya kembali ke tujuan utama. Oleh kerana masalah ini acap kali terjadi, maka Majnun mengambil keputusan drastik untuk terjun dari untanya. Tindakan nekad ini mengakibatkan kaki Majnun patah. Kecederaan ini tidak menumpulkan hasrat Majnun untuk menemui Laila. Malah dengan sepenuh kudrat Majnun bergolek ke negeri Laila.

Justeru Jalaluddin al-Rumi menyimpulkan bahawa jangan mengabaikan tekad untuk mendekati Tuhan dan menjadi hamba Allah SWT yang baik atau menjadi lebih rendah daripada tekad Majnun yang mahu mendekati Laila. Beliau mengajarkan untuk tetap meneruskan perjalanan kepada Tuhan dalam keadaan apa pun jua baik ketika lemah atau kuat, maksiat atau taat. Malah pesan ini sejajar dengan hikmah dari Ibn Atha'illah al-Sakandari dalam karangan Al-Hasani (2015), iaitu: "Setengah daripada alamat orang yang bergantung (bersandar) atas amal itu ialah kurang harapannya apabila melakukan kesalahan (maksiat)". Manakala, dalam suatu hikmah yang lain: "Suatu dosa besar jangan sampai menghalangi kamu dari berprasangka baik kepada Allah. Sesungguhnya siapa yang mengenal Allah pasti akan menganggap dosanya tidak seberapa dibandingkan dengan keluasan kemurahan Allah". Kesimpulannya adalah penting untuk sentiasa berusaha mendekati Allah SWT tanpa henti dengan keyakinan bahawa rahmat Allah SWT itu lebih besar daripada dosa dan amalan. Sikap ini akan menghasilkan tekad tidak berputus asa dalam memperbaiki diri. Bahkan, amal manusia yang dijalani sebenarnya adalah bersumber daripada hidayah dan taufik Allah SWT jua.

Intipati bagi kisah yang dibawa oleh Jalaluddin al-Rumi ini adalah berkenaan apakah seorang hamba itu sanggup memilih perkara yang lebih utama dalam perjalanan rohani menuju Allah SWT? dan dalam kepelbagaian pilihan dan kepentingan, adakah Allah SWT yang menjadi pilihan utama?. Manusia adalah makhluk yang diberi pilihan untuk memilih perwatakannya. Manusia diberi pilihan sama ada memiliki watak yang condong kepada malaikat atau pun condong kepada binatang. Mana satukah menjadi pilihan manusia?. Hal ini diutarakan dalam *bait Mathnawi* yang lebih awal, di mana Jalaluddin al-Rumi menyebut: "Ia diriwayatkan dalam Hadis bahawa Tuhan Yang Agung mencipta makhluk dunia tiga jenis. Satu kumpulan keseluruhannya daya akal fikiran dan ilmu dan sifat murah hati, iaitu malaikat. Dia tidak ketahui apa-apa kecuali bersujud dan beribadat. Dalam sifat aslinya tidak ada nafsu berahi dan kehawaan. Dia cahaya mutlak. Hidup melalui cinta akan Tuhan. Satu lagi kumpulan kekosongan ilmu seperti binatang dalam kegemukan daripada makanan. Yang ketiga ialah keturunan Adam dan Manusia. Setengah daripadanya adalah daripada malaikat dan setengah lagi daripada keldai. Bahagian keldai, sesungguhnya condong kepada itu yang hina. Sebahagian lagi condong kepada itu yang mantik. Kedua-dua kumpulan itu berehat daripada peperangan dan pertempuran, sementara Manusia ini dalam seksaan dengan dua musuh. Dan, lebih-lebih lagi Manusia ini melalui tempoh percubaan, telah dibahagi mereka adalah daripada bentuk manusia, tetapi, mereka telah menjadi tiga masyarakat. Satu kumpulan telah menjadi terbenam sepenuhnya dan, seperti Isa, telah mencapai ke tahap malaikat. Bentuk Adam, tetapi kenyataan ialah Jibrail. Dia telah diselamatkan daripada kemarahan dan keghairahan nafsu dan perbalahan. Dia telah diselamatkan daripada ketetapan diri dan kezuhudan dan kehinaan diri. Dia akan berkata, dia bukan dilahirkan pun daripada anak Adam. Jenis kedua telah mencapai kepada keldai. Mereka telah menjadi kemarahan tulen dan keghairahan mutlak" (Rumi, 2014: 4: 1497-1509).

Jalaluddin al-Rumi mengklasifikasikan tiga makhluk di atas bumi secara umum iaitu malaikat, binatang dan manusia. Manusia pula boleh memilih untuk cenderung kepada malaikat atau binatang. Mesej ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud: “Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk (isi neraka Jahanam) kebanyakan dari jin dan manusia, mereka mempunyai hati, tetapi tidak dipergunakannya untuk memahami (ayat-ayat Allah) dan mereka mempunyai mata (tetapi) tidak dipergunakannya untuk melihat (tanda-tanda kekuasaan Allah), dan mereka mempunyai telinga (tetapi) tidak dipergunakannya untuk mendengar (ayat-ayat Allah). Mereka itu sebagai binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi. Mereka itulah orang-orang yang lalai” (al-Quran, Surah al-A’raf, 7: 179).

Manusia perlu memilih Tuhan dan bukan hawa nafsu sendiri. Bisikan syaitan dan sifat kebinatangan dalam diri perlu dikorbankan. Meninggalkan sifat terkeji adalah seperti Majnun meninggalkan unta betinanya. Majnun menginginkan suatu tujuan manakala untanya menginginkan tujuan yang lain. Lantas Majnun telah membuat pilihan bijak dengan memilih tujuan utamanya berbanding untanya yang tidak henti-henti berpaling.

Pengajaran dari kisah Jalaluddin al-Rumi tersebut harus diambil berat agar penyakit hawa nafsu dan kebinatangan tidak menjangkiti diri sehingga tergolong di kalangan kaum munafik. Hal ini diperingatkan dalam firman Allah SWT yang bermaksud: “Dalam hati mereka (golongan yang munafik itu) terdapat penyakit (syak dan hasad dengki), maka Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya, dengan sebab mereka berdusta (dan mendustakan kebenaran)” (al-Quran, Surah al-Baqarah, 2: 10). Jalaluddin al-Rumi menyebut: “Kerana sebab ini, Yang Bijaksana yang bermulut manis (Penyair Sanai dari Ghazna) mengeluarkan satu sumpah ke atas penunggang yang tidak turun daripada jasad itu. Bagaimanakah harus cinta untuk Rabb menjadi lebih rendah daripada cinta untuk Laila? Menjadi sebuah bola kerana-Nya lebih bernilai. Jadilah bola, berpusinglah ke sebelah mana keikhlasan, bergolek, bergolek dalam lengkung pemukul Cinta, Kerana dari sekarang, pengembaraan ini (diselesaikan dengan cara) tarikan Tuhan, sementara pengembaraan itu (yang dulu) di atas unta betina ialah kemajuan (yang berlaku dengan usaha kami sendiri). Demikianlah cara kemajuan yang dikecualikan daripada jenis yang melangkaui penekanan teramat jin dan manusia sejagat. Demikianlah tarikan-bukan setiap tarikan yang biasa-di mana Ahmad (Muhammad) dikurniakan yang mulia. Dan (sekarang) selamat tinggal!” (Rumi, 2014: 4: 1556-1561).

Majnun Mengibaratkan Laila Umpama Air dalam Gelas

“Orang-orang bodoh dalam kejahilan mereka berkata kepada Majnun “Kecantikan Laila tidak begitu hebat: ia satu perkara kecil. Ada beribu-ribu bulan yang menawan hati lebih cantik daripadanya di bandar kami.” Dia menjawab, “Bentuk (luar) ialah tempayan dan kecantikan ialah arak: Tuhan sedang berikanku arak daripada bentuknya. Dia memberimu cuka dari tempayannya, takut sekiranya cinta untuknya menarikmu dengan memegang telinga” (Rumi, 2014: 5: 3286-3289).

Apabila Majnun ditanya orang ramai, mengapa dia tergila-gila dengan Laila sedangkan ramai lagi perempuan-perempuan lain yang jauh lebih cantik menawan berbanding Laila, lantas Majnun mengambil gelas arak sebagai analogi (Okuyucu, 2018: 56). Gelas hanyalah sebuah gelas, namun nilainya akan berbeza mengikut apa yang terkandung di dalamnya. Gelas yang

berisi arak akan berbeza dengan yang berisi madu. Gelas yang berisi ubat tidak sama dengan yang berisi racun. Gelasnya biasa, namun isinya yang istimewa. Jalaluddin al-Rumi menyebut: “Tangan Tuhan, Yang Perkasa dan Gemilang, memberikan racun atau madu kepada semua orang dari tempayan yang sama. Kamu lihat tempayan itu, tetapi arak tidak menunjukkan mukanya kepada mata yang salah. Pengalaman kerohanian ialah (seperti) perempuan-perempuan yang menahan mata mereka (daripada melihat suami mereka) (iaitu bidadari di Syurga): Ia tidak menunjukkan tanda kecuali kepada pemiliknya. Arak itu ialah (seperti) perempuan-perempuan yang menahan mata sementara bekas-bekas ini yang menutupnya (daripada pandangan) adalah seperti khemah itu. Sungai besar (juga) ialah (seperti) khemah, di mana ada kehidupan untuk itik, tetapi maut untuk gagak” (Rumi, 2014: 5: 3290-3294). Di sini, Majnun mengisyaratkan wajah Laila yang tampak biasa di mata orang ramai, namun mengandungi cinta yang luar biasa di mata Majnun. Tubuh hanyalah wadah bagi mengisi cinta yang agung. Intipati ini tidak terbuka kepada semua orang melainkan kekasih pilihan sahaja.

Selain itu, Jalaluddin al-Rumi juga mengambil Nabi Yusuf AS sebagai ibarat gelas yang menyimpan rahsia. Yusuf yang dilihat oleh saudara-saudaranya, Nabi Ya‘akub AS dan Zulaikha adalah Yusuf yang sama. Akan tetapi, nilai Nabi Yusuf AS di mata setiap daripada mereka adalah tidak sama. Demikian Jalaluddin al-Rumi berkata: “Bentuk Yusuf adalah seperti satu cangkir cantik: daripadanya bapa dia minum seratus arak yang sangat menggembirakan. Sekali lagi, kepada saudaranya (tegukan mereka ambil) darinya diracuni air yang menambahkan dalam mereka kemarahan dan kebencian. Sekali lagi, kepada Zulaikha (tegukan yang dia ambil) daripadanya (manis seperti) gula: dia menelan satu ubat yang lain daripada (tangan) Cinta. Makanan berkhasiat yang datang daripada Yusuf kepada si jelita itu lain daripada itu yang datang kepada Ya‘akub (iaitu, cinta Zulaikha akan Yusuf berkeberhasilan, sementara cinta Ya‘akub berkerohanian). Serbat ada yang berlainan, tetapi bekasnya ialah satu supaya tidak ada keraguan yang boleh kekal di dalammu mengenai arak Yang Ghaib itu” (Rumi, 2014: 5: 3300-3304). Di mata saudara-saudaranya, keindahan Nabi Yusuf AS tidak dicerna mereka, bahkan dipenuhi dengan hasad dengki dan khianat kesumat. Di mata Nabi Ya‘akub AS, keindahan Nabi Yusuf AS bersinar cemerlang sehinggakan cukup dengan mencium baju Nabi Yusuf AS, katarak yang membutakan mata Nabi Ya‘akub AS segera sembuh. Di mata Zulaikha, ia pancaran cinta yang terlalu bergemerlapan sehingga sanggup melakukan apa sahaja yang di luar batasan bagi mendapatkan Nabi Yusuf AS. Hanya orang pilihan dapat mengenal kecantikan hakiki yang bersemi di dalam lubuk sanubari.

Justeru, dapat dirumuskan bahawa apa yang berisi di dalam gelas itu lebih penting jika dibandingkan dengan gelas itu sendiri. Pati yang terkandung di dalam gelas itulah yang mentakrifkan nilai sebenar gelas tersebut. Jalaluddin al-Rumi menyebutkan bahawa: “Arak itu kepunyaan Yang Ghaib, bekas itu kepada dunia: bekas itu kelihatan: arak di dalamnya tersembunyi. Sangat tersembunyi dari mata yang tidak dilatih, tetapi zahir dan nyata kepada yang mahir. Oh Tuhanku, matakmu telah mabuk. Ampunkan kami: beban kami telah dibuat berat! Oh yang Tersembunyi yang mengisi (dunia) dari Timur ke Barat (dengan Kesinaran-Mu) dan yang disanjung lebih tinggi dari tempat terbitnya matahari dan tempat ia terbenam, Kamu ialah Tanah yang paling dalam daripada kesedaran yang mendedahkan fikiran-fikiran teralam kami, Kamu (Satu Kuasa) yang memecahkan yang menyebabkan sungai-sungai (yang diempang) meluru keluar!” (Rumi, 2014: 5: 3305-3309).

Kesimpulannya, batin sesuatu akan menentukan nilai zahirnya. Nilai yang tersirat, menentukan nilai yang tersurat. Rentetan itu, Jalaluddin al-Rumi menyindir pada bait seterusnya bagi sesiapa yang memanipulasikan penampilan luar sedangkan dalamannya kosong tidak bernilai dengan berkata: “Sekiranya janggut dan buah zakar ialah ukuran kejantanan seseorang, setiap kambing gurun yang ada janggut dan banyak bulu, sudah mencukupi. Kambing itu ialah pemimpin yang jahat. Dia membawa pengikut-pengikutnya dengan cepat kepada penjual daging. Dia telah sikat janggutnya dengan berkata, “Akulah yang utama.” Kamu yang utama, tetapi ke arah maut dan kegelisahan. Dengar, ambillah pengembaraan dan abaikan janggutmu. Abaikan kemegahan diri dan fikiran terganggu” (Rumi, 2014: 5: 3345-3348).

Imam Ghazali pula membahaskan dalam *Ihya Ulumiddin* pada bahagian kitab tercela dan terpedaya iaitu dengan menyebutkan bahawa jangan mengikuti hawa nafsu yang mana ia merupakan sebuah kecenderungan yang didorong oleh syaitan agar tenggelam dan terpedaya dalam sesuatu perkara yang menyesatkan. Gambaran kepada orang yang mendakwakan mengetahui ilmu *mukasyafah* iaitu seperti mengetahui tentang Allah, sifat-sifatnya dan nama-nama-Nya, namun ia lengah tentang amal dan mensia-siakan perintah Allah dan batas-batas yang telah ditentukan oleh Allah, maka terpedaya itu lebih berat. Sebagaimana seseorang yang bermaksud untuk melayani seorang raja dan mencari jalan untuk mengenal raja, keturunannya, namanya, negerinya, rupanya, bentuknya, adat kebiasaannya pada menyiasati budak-budaknya dan bergaul dengan rakyatnya. Maka orang tersebut itu telah terpedaya kerana jikalau ditinggalkannya semua yang diketahuinya dan ia berpegang dengan mengenal raja sahaja dan mengetahui apa yang tidak disukai dan disukai raja itu, maka sesungguhnya yang demikian itu adalah lebih mendekati kepada tercapainya maksud untuk mendekatinya dan mengkhususkan diri kepadanya (Al-Ghazali, 2017: 6: 41). Demikian apabila sekadar mengenal nama Allah SWT tanpa penghayatan makna yang betul.

Jikalau ia mengenal Allah SWT dengan sebenar-benarnya nescaya akan hadir rasa takut kepada Allah SWT dan berbuat takwa kepada-Nya. Firman Allah SWT: “Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hamba-Nya hanyalah orang-orang yang berilmu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Pengampun.” (al-Quran, Surah Fathir, 35: 28). Jalaluddin al-Rumi berkata: “Oh Kamu yang Zat-Nya tersembunyi, sementara hadiah-hadiah-Mu dapat dirasa, Kamu seperti air dan kami seperti batu kisar! Kamu seperti angin, dan kami seperti debu: angin itu tersembunyi sementara debu itu ditiup olehnya jelas nyata. Kamulah Musim Bunga: kami secerah dusun Hijau: ia (Musim Bunga) tersembunyi sementara pengurniaannya nyata. Kamu seperti roh: kami seperti tangan dan kaki: tutup dan buka tangan disebabkan roh. Kamu seperti daya akal fikiran: kami seperti lidah ini: lidah ini mempunyai (kuasa) percakapan daripada daya akal fikiran. Kamu umpama kegembiraan, dan kami gelak ketawa, kerana kami hasil daripada kegembiraan yang diberkati (Mu). (Kesemua) Pergerakan (tindakan) kami sebenarnya satu pengakuan berterusan “dan ‘Aku bersaksi.’” Yang bersaksi kepada Yang Perkasa Abadi. Pemusingan batu kisar semasa keresahan ialah satu pengakuan keimanan dalam kewujudan air sungai kecil. Oh Kamu yang melangkaui pembentukan fikiran dan sebutanku, biarlah debu di atas kepalaku dan perumpamaanku! Hamba-Mu tidak boleh menahan daripada gambar cantik-Mu: setiap saat dia berkata kepada-Mu, “Semoga rohku menjadi permaidani-Mu!” (Dia) Seperti penggembala yang pada satu masa berkata, “Oh Tuhan, datanglah kepada penggembala dan kekasih-Mu. Supaya aku boleh mencari kutu di baju luar-Mu dan jahitan kasut-Mu dan cium kain-Mu!”

Tidak ada siapa yang dijadikan pasangan dengannya dalam keghairahan dan cinta, tetapi dia kurang dalam memuja dan percakapan (dengan hormat). Cintanya mendirikan khemahnya di langit: Roh (yang dikasihi) menjadi anjing (penjaga) khemah penggembala itu. Apabila laut Cinta Tuhan memasang, ia memukul hatinya: ia memukul (hanya) di telingamu” (Rumi, 2014: 5: 3310-3324).

Majnun Ibarat Seruling Buluh


“Dengarlah seruling ini, betapa ia mengadu: ia sedang menceritakan satu kisah mengenai perpisahan. Dengan berkata, “Semenjak aku dipisahkan dari dasar rumpun buluh, lelaki dan perempuan telah meraung dengan ratapanku. Aku mahu satu dada yang telah dirobek oleh perpisahan, supaya aku dapat mendedahkan kepedihan keinginan cinta. Setiap orang yang ditinggalkan jauh dari sumbernya, inginkan kembali saat apabila dia bersatu dengannya. Semasa berada dengan setiap teman, aku meluahkan nada rintihanku: aku bergaul dengan yang sedih dan mereka yang gembira. Setiap orang menjadi kawanku mengikut pendapatnya sendiri: tiada seorang pun yang mencari rahsiaku dari dalamku. Rahsiaku tidak jauh daripada aduanku, tetapi telinga dan mata tidak mempunyai cahaya. Badan tidak bersembunyi daripada roh atau roh daripada badan, namun tiada yang dibenarkan melihat roh”. Bunyi seruling umpama api, ia bukan angin: sesiapa yang tidak memiliki api ini, semoga dia bukan apa-apa!” (Rumi, 2014: 1: 1-9).

Sepertimana Majnun rindu kepada Laila, seperti itulah seruling buluh rindu kepada hutan belantara yang menjadi kampung halamannya. Perumpamaan di sini menunjukkan bahawa demikian itu lah kerinduan roh manusia kepada alam arwah yang menjadi asal usul manusia (Nicholson, 1993). Roh manusia mengalami kedekatan dengan Allah SWT di alam tersebut. Buktinya di sana, roh manusia diajak bicara oleh Allah SWT. Firman Allah SWT yang bermaksud: “Dan (ingatlah), ketika Tuhanmu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam dari sulbi mereka dan Allah mengambil kesaksian terhadap jiwa mereka (seraya berfirman): "Bukankah Aku ini Tuhanmu?" Mereka menjawab: "Betul (Engkau Tuhan kami), kami menjadi saksi". (Kami lakukan yang demikian itu) agar di hari kiamat kamu tidak mengatakan: "Sesungguhnya kami (bani Adam) adalah orang-orang yang lengah terhadap ini (keesaan Tuhan)” (al-Quran, Surah al-A'raf 7: 172).

Jalaluddin al-Rumi berkata: “Api Cintalah yang berada dalam seruling itu. Ia keghairahan Cinta yang berada dalam arak. Seruling ialah teman setiap orang yang telah dipisahkan daripada kawan. Iramanya menyentap hijab kami. Siapa yang pernah lihat racun dan penawar seperti seruling? Siapa yang pernah lihat orang yang mengasihani dan pencinta yang mengharap seperti seruling? Seruling menceritakan jalan penuh berdarah dan ingat kembali kisah keghairahan Majnun. Hanya kepada yang tidak sedar, kesedaran ini dibisikkan. Lidah tidak mempunyai pelanggan kecuali telinga” (Rumi, 2014: 1: 10-14).

Hubung Kait antara Kepentingan Wali Allah dalam Kisah Laila Majnun Menurut Jalaluddin al-Rumi dengan Tingkatan Ihsan

Berdasarkan keseluruhan dapatan dan perbincangan sebelum ini, pengkaji mendapati bahawa Jalaluddin al-Rumi mengumpulkan tahap keyakinan iman dan tingkatan ihsan dalam *Tazkiyah al-Nafs* (penyucian jiwa) melalui kisah Laila Majnun yang sekaligus mengangkat kepentingan wali Allah. Hal ini digambarkan sebagaimana gambar rajah 1 di bawah:



Rajah 1. Laila Majnun Versi Jalaluddin al-Rumi

Sumber: (Pengkaji, 2023)

Intipati terpenting dalam keseluruhan madah cinta yang dibawa oleh Jalaluddin al-Rumi ialah cinta yang sejatinya hidup iaitu cinta kepada *al-Hayy* (Allah SWT). Kisah Laila Majnun dalam *Mathnawi* seumpama mengungkapkan kerinduan kepada alam roh yang disimbolkan sebagai kampung halaman. Manusia berasal dari syurga sebelum diturunkan ke dunia. Untuk kembali ke sana, manusia mestilah menempuh jalan yang diredai Allah SWT. Jalan inilah yang disebut dalam firman Allah SWT yang bermaksud: “Tunjukilah kami jalan yang lurus” (al-Quran, Surah al-Fatihah, 1: 6). Jalan tersebut pula tidak mudah. Manusia mestilah mengikuti golongan yang diberikan nikmat terbesar dari Tuhan seperti disebut dalam ayat lanjutannya, “Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka” (al-Quran, Surah al-Fatihah, 1: 7).

Para wali Allah merupakan salah satu golongan yang menjadi pembuka jalan kepada manusia untuk kembali ke syurga Allah SWT. Wali Allah atau dengan sebutan Arab iaitu *waliullah* ialah merupakan orang yang dipilih oleh Allah SWT untuk mendapat pertolongan-Nya dengan dirapatkannya pada kehadiran-Nya (Syafiq Hadzir, 2005). Adapun pada pengertian yang lain, wali Allah ialah orang yang dicintai oleh-Nya iaitu orang yang dilindungi Allah SWT dalam segala urusan atau orang-orang yang teramat mencintai Allah SWT dan banyak

beribadah serta taat kepada-Nya (al-Naisaburi, 2007: 382). Allah SWT berfirman yang bermaksud: “Ingatlah, sesungguhnya wali-wali Allah itu, tidak ada rasa takut pada mereka dan mereka tidak (pula) bersedih hati” (al-Quran, Surah Yunus, 10: 62). Yahya bin Mu’az berkata, “Wali itu merupakan keharuman Allah di bumi. Ia dicium oleh orang-orang yang cinta kebenaran sehingga mereka sampai di dalam hati pencinta kebenaran, rindu kepada Tuhan dan ibadah mereka bertambah giat kerana terbawa oleh perilaku para wali ini” (al-Naisaburi, 2007: 387).

Jalaluddin al-Rumi menekankan peranan besar wali Allah melalui kisah Laila Majnun tersebut. Merekalah golongan yang layak membimbing kepada reda Allah SWT. Manusia seumpama seruling buluh yang rindu untuk pulang ke hutan belantara yang ditamsilkan Jalaluddin al-Rumi iaitu: “Dengarlah seruling ini, betapa ia mengadu, ia sedang menceritakan satu kisah mengenai perpisahan. Dengan berkata, “Semenjak aku dipisahkan dari dasar rumpun buluh, lelaki dan perempuan telah meraung dengan ratapanku”. Setiap orang yang ditinggalkan jauh dari sumbernya, inginkan kembali saat apabila dia bersatu dengannya (Rumi, 2014: 1: 1-4).

Manusia kebanyakan tidak dapat memahami keistimewaan seorang wali Allah. Hanya manusia yang dipilih Allah SWT dapat beroleh keberuntungan dan menyedari keistimewaan wali Allah. Tidak seperti khalifah yang gagal melihat kecantikan Laila sebagaimana segelintir manusia yang gagal melihat kecantikan rohani wali Allah (Rumi, 2014: 1: 407-408). Manusia biasa lazimnya sekadar melihat luaran sedangkan kecantikan sebenar wali Allah terkandung dalam batinnya. Imam Ahmad bin Muhammad Sharif al-Hamawi menegaskan dalam kitabnya *Nafahat al-Qurb wa al-Ittisal bi Isbat al-Tasarruf li Awliya'Allah wa al-Karamat Ba'd al-Intiqal*, iaitu: Para wali Allah diberi kemampuan (oleh Allah) boleh menzahirkan pelbagai rupa mereka (dengan izin Allah) disebabkan oleh kekuatan rohani mereka yang melampaui dan mengatasi atas hal jasad mereka (Faudzinaim & Muhammad Khairi, 2021: 42). Justeru Jalaluddin al-Rumi memberi gambaran apabila menikmati sesuatu minuman, yang lebih penting adalah airnya dan bukan gelasnyanya seperti yang dijelaskan Majnun berkenaan keindahan dalaman Laila (Rumi, 2014: 5: 3286-3289).

Wali Allah tidak mengutamakan diri mereka sendiri. Bahkan bagi mereka, diri sendiri menjadi tidak penting kerana tujuan utama hanyalah reda Allah SWT. Demikian, merekalah yang selayaknya menjadi panduan manusia bagi mengingati Allah SWT. Ibn Kathir meriwayatkan bahawa pernah suatu ketika, sahabat bertanya kepada Nabi SAW tentang apa petanda wali Allah. Jawab Rasulullah SAW, “Dengan melihat mereka, maka akan ingat kepada Allah” (Ibn Kathīr, 2013: 642). Mesej ini dirakam oleh Jalaluddin al-Rumi dalam perumpamaan Majnun dengan anjing dari kampung Laila (Rumi, 2014: 3: 567-574).

Wali Allah boleh mengingatkan manusia kepada Allah SWT kerana sifat mereka yang seolah-olah sudah menyatu dengan Allah SWT. Pesanan iaitu “berakhlaklah kamu dengan akhlak Allah” dalam tafsir al-Fakhr al-Razi sudah mereka amalkan kerana Allah SWT itu Maha Pemurah, mereka pun berakhlak pemurah, Allah SWT bersifat Maha Penyayang, mereka pun berakhlak penyayang (Al-Razi, 1981). Dari sini Jalaluddin al-Rumi membuat alegori Majnun yang enggan dibedah kerana telah menyatu dengan Laila (Rumi, 2014: 5: 1999-2019). Imam al-Qusyairi An-Naisaburi (2007: 337) dalam kitabnya *Risalah Qusyairiyah* telah menjelaskan firman Allah SWT dalam surah Ali Imran, ayat 79, iaitu: “Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang rabbani”. Maksudnya, menjadi orang yang rabbani seperti para ulama yang

berakhlak dengan akhlak Tuhan dan bertafakur dengan pandangan Tuhan. Mereka kosong daripada pengaruh, kecenderungan dan kesibukan bersama makhluk.

Akhir sekali, setelah menjumpai wali Allah yang dimaksudkan, seorang murid pastinya mengorbankan banyak perkara demi mendidik hati. Seperti para sahabat yang dididik oleh Nabi SAW iaitu ketika iman sudah sempurna, turun sahaja perintah pengharaman arak secara menyeluruh, para sahabat terus nekad untuk berhenti meminumnya tanpa pertanyaan atau alasan (Ibn Kathīr, 2013: 414). Pengorbanan ini tidak akan mampu dilakukan tanpa tarbiah yang betul.

Jalaluddin al-Rumi menekankan kepentingan wali Allah kerana merekalah yang bijaksana dalam mengajar hati agar sedia berkorban. Terdapat banyak halangan yang melambatkan manusia daripada memperoleh reda Allah SWT. Maka seperti tamsilan Jalaluddin al-Rumi tentang unta betina, manusia perlu memperoleh tujuan yang paling utama iaitu redha Allah SWT (Rumi, 2014: 4: 1533-1555). Mursyid ialah seorang yang dapat membimbing murid ke jalan kebenaran yang diredai oleh Allah SWT mencakupi kehidupan di dunia dan akhirat (Al-Ghazali, 2017: 1: 170). Firman Allah SWT yang bermaksud: “Barangsiapa yang diberi petunjuk oleh Allah maka ia mendapatkan petunjuk. Barangsiapa yang Allah sesatkan maka engkau tidak mendapatkan bagi orang itu seorang Wali Mursyid” (al-Quran, Surah al-Kahf, 18: 17).

Jalaluddin al-Rumi di dalam *Mathnawi* mementingkan wali Allah sebagai bimbingan bagi manusia memperbaiki ibadat dalam langkah mendekati Allah SWT (*Muraqabah*). Setelah ibadah menjadi sehati dalam seharian, manusia akan mengalami penyaksian kekuasaan Allah SWT dalam kehidupan (*Musyahadah*). Di tahap seterusnya, manusia mengenali Allah SWT bukan sekadar dari pengetahuan tetapi dari penglihatan mata hati (*Ma'rifah*). Kemudian, setiap manusia yang benar-benar mengenal Allah SWT pasti mencintai-Nya sepenuh jiwa (*Mahabbah*) (Al-Hasani, 2015: 19; An-Naisaburi, 2007: 463). Murid yang telah berjaya di bawah bimbingan wali Allah mengalami mabuk cinta dengan Allah SWT, seumpama mabuknya Majnun kepada Laila dalam alegori Jalaluddin al-Rumi.

Kesimpulan

Artikel ini memuatkan mesej yang terkandung dalam kisah Laila Majnun versi Jalaluddin al-Rumi dalam *Mathnawi*. Satu persamaan dalam semua kisah tersebut adalah kerinduan dan cinta yang mendalam kepada Tuhan. Manakala dalam sesetengah bait *Mathnawi* tersebut, Jalaluddin al-Rumi menerangkan wasilah untuk menggapai *muraqabah* dan *musyahadah* dengan Tuhan adalah mengambil wali Allah sebagai guru mursyid.

Penghargaan

Pengkaji mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada dana penyelidikan KOD: GGP-2019-012 yang membiayai sepenuhnya penulisan ini.

Rujukan

Al-Quran al-Karim

- Abbaspour, Bita Naghmeh & Mansour Amini. (2022). Persian Rumi in American Context: Investigating Ideological Persian Rumi in American Context: Investigating Ideological Manipulation of Illustrations. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 19(2), 185–203.
- Abbaspour, Bita Naghmeh, Tengku Sepora Tengku Mahadi & Iqbal Zulkali. (2021). Ideological Manipulation of Translation through Translator's Comments: A Case Study of Barks' Translation of Rumi's Poetry. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum*, 29(3), 1831–1851. <https://doi.org/https://doi.org/10.47836/pjssh.29.3.19>
- Abdikarimovich, Babayev Otabek. (2020). The True Values of The Mavlono Jaloliddin Muhammad Rumi's Philosophy in Russian Translations. *International Journal on Orange Technologies*, 02(12), 68–71.
- Afsun Aulia Nirmala & Syamsul Anwar. (t.th.). Afinity in The Drama Text of Romeo Juliet by William Shakespeare and The Novel of Laila Majnun by Nizami. *Jurnal Pendidikan Bahasa Dan Sastra Indonesia*, 2(2), 137–151.
- Afzal Iqbal. (1956). *The Life and Work of Jalal-ud-din Rumi*. A. J. Arberry (ptrj). Ed. Forewo. T.tp: The Octagon Press London.
- Ahmad, Imam. (2001). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Syu'aib al-Arnauth, Adil Mursyid & et.al (pnyt). T.tp: Muassasah al-Risalah.
- Ahmad Munawar Ismail & Mohd. Nor Shahizan Ali. (2014). *Kaedah Penyelidikan Sosial Daripada Perspektif Penyelidikan Pengajian Islam*. Ed. Siri I. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alavijeh, Hossein Zamani & Fazel Asadi Amjad (2022). Rumi's Ontology: The Being and The World. *Journal of Critical Studies in Language and Literature*, 3(4), 1–10. <https://doi.org/https://doi.org/10.46809/jcsll.v3i4.155>
- An-Naisaburi, Abul Qasim Abdul Karim Hawazin al-Qusyairi. (2007). *Risalah Qusyairiyah (Sumber Kajian Ilmu Tasawuf)*. Umar Faruq (ptrj). t.tp: Pustaka Amani.
- Anisa Putri. (2020). *Analytical Study Of Social Values In Fih Ma Fih Of Jalaluddin Rumi*. Faculty Maulana Malik Ibrahim State Islamic University Malang.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail Abu Abdillah. (2001). *Al-Jami' Al-Musnad As-Shahib Al-Mukhtashar Min Umuri Rasulullah SAW wa Sunanihi Wa Ayyamihi (Sahih Bukhari)*. t.tp: Dar Tuq An-Najah.
- Berg, Elizabeth Van Der. (2022). The Conceptual Sufi World of Rumi With Reference to His Poem "The Reed Flute Song." *LitNet Akademies*, 19(2), 73–99. <https://doi.org/http://doi.org/10.17159/1995-5928/2022/j19n2b3>
- Can, Sefik. (2011). *Fundamentals of Rumi's Thought (A Mevlevi Sufi Perspective)*. Zeki Saritoprak (pnyt). Ed. English. t.tp: Tughra Books.
- Das, Debalina. (2021). Laili O Majnun: A Transcendental Influence on Literature. *SSRN Electronic Journal*. 1–15.
- El-Badri, Muhammad Yusuf. (2015). Pluralisme Islam Analisis Hermeneutika Puisi Jalaludin Rumi. *Jurnal Penelitian Keislaman*, 11(1), 17–36.

- Faudzinaim Badaruddin & Muhammad Khairi Mahyuddin. (2021). Autoriti Sanad Tarekat dan Peranannya dalam Ilmu Tasawuf. *International Journal of Islamic Thought*, 20(Dec), 34–44. <https://doi.org/10.24035/ijit.20.2021.208>
- Al-Ghazali, Imam. (2017). *Ihya Ulumiddin*. TK. H. Ismail Yakub (pnyt). t.tp: Pustaka Jiwa.
- Ganjavi, Nizami. (2012). *The Story of Layla and Majnun*. Colin Paul Turner (pnyt). t.tp: t.pt.
- Ganjavi, Nizami. (2021). *Laila & Majnun (Roman Sufistik Terindah Sepanjang Zaman)*. Anton Kurnia (ptrj). t.tp: Mizan.
- Al-Hasani, Ahmad bin Muhammad bin Ajibah. (2015). *Iqoz al-Himam fi Sharh al-Hikam* (Majid Ursan al-Kailani (pnyt). t.tp: Dar al-Khair.
- Hasson, Michal. (2018). *Crazy in Love: The Story of Laila and Majnun in Early Modern South Asia*. T.tp: Harvard University.
- Ibn Kathīr. (2013). *al-Misbāhul al-Munīr Fī Tahzīb Tafsiṛ Ibn Kathīr*. t.tp: Dar al-Salām.
- Imam Hamzah, Rusdiawan & Johan Mahyudi. (2022). Klasifikasi Emosi Tokoh Qais Al-Qarani Dalam Novel Layla Majnun Karya Nizami Al-Ganjavi: Kajian Perspektif David Krech. *Jurnal Ilmiah Mandala Education (JIME)*, 8(2), 1541–1552.
- Kilicheva, Karomat & Gavkhar Klicheva. (2022). Sufi and Philosophical Heritage of Jalaluddin Rumi. *International Journal of Humanities, Literature & Arts*, 5(1), 1–4. <https://doi.org/10.21744/ijhla.v5n1.1799>
- Kish, Omid Zakeri. (2021). Folk and Folklore in Rumi's Masnavi. *Culture and Folk Literature*, 9(40), 321–323.
- Megan Asri Humaira. (2019). Layla Majnun: Literature Psychological Study. *Indonesian Journal of Social Research (IJSR)*, 1(1), 30–36.
- Mohd Asyran Safwan Kamaruzaman, Mohd Haidhar Kamarzaman & Kamarudin Salleh. (2019). Dakwah Syeikh Nazim Al-Qubrusi: antara penerimaan dan penolakan. *Al-Hikmah*, 11(1), 41–59.
- Mohd Faizal Harun & Muhamad Hazwan Abd Razak. (2018). *Sejarah Tarekat (Pertubuhan dan Penyebaran di Dunia Islam)*. Kedah: Universiti Utara Malaysia (UUM) Press.
- Nicholson, Reynold A. (1982). *The Mathnawi of Jalaluddin Rumi*. t.tp: t.pt.
- Nicholson, Reynold A. (1993). *Jalaluddin Rumi: Ajaran dan Pengalaman Sufi*. Sutejo (ptrj). t.tp: Pustaka Firdaus.
- Okuyucu, Cihan. (2018). *Rumi: Kisah Hidup dan Pesan-Pesannya*. Eka Oktaviani (ptrj). t.tp: Basabasi.
- Pangulu Abdul Karim, Miswar Miswar & Muqarramah Sulaiman Kurdi. (2022). Dimensions of Love and Human Wisdom: Jalaluddin Rumi's View in Etnosufistic Perspective. *Dialogia: Islamic Studies and Social Journal*, 20(1), 235–257. <https://doi.org/10.21154/dialogia.v20i1.3913>
- Al-Qazwaini, Ibn Majah Abu Abdillah Muhammad bin Yazid. (t.th.). *Sunan Ibnu Majah*. Maktabah al-Ma'arif Riyadh.
- Al-Razi, Fakhr al-Din. (1981). *Tafsir al-Kabir aw Mafatih al-Ghaib*. Dar al-Fikr, Beirut, Lebanon.
- Rumi, Jalaluddin. (2014). *Mathnawi*. Sayyid Mohamed Ajmal Bin Abdul Razak Al-Aidrus (ptrj). Konya: Mevlana Kultur Merkezi Karatay.
- Rumi, Jalaluddin. (2016). *Fihi Ma Fihi (71 Ceramah Rumi Untuk Pendidikan Ruhani)*. Abu Ali dan Taufiq Damas (ptrj). t.tp: Zaman.

- Shavkatovich, Hasanov Suxrob & Gapporov Zayniddin Abdusalom Ugli. (2022). The Plot of “Layli and Majnun” and Its History of Appearance in The Works of Different Creators and Their Comparative Study. *International Scientific Journal*, 1(7), 27–30. <https://doi.org/10.5281/zenodo.7217171>
- Sulaiman, Tahseen Darwish. (2022). Human Values in Majnun Laila’s Poetry. *College of Basic Education Researchers Journal*, 18(4), 62–94.
- Syafiq Hadzir (pnyt). (2005). *Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wahyu Khairul Ichsan. (2020). Analisis Pesan Dakwah Dalam Novel Layla Majnun. *At-Tanzir: Jurnal Ilmiah Prodi Komunikasi Penyiaran Islam*, 11(2), 221–240. <https://doi.org/10.47498/tanzir.v11i2.436>
- Yousuf, Maria, Muhammad Ahmad Qadri & Hafiz Osmanov. (2019). Mevlana Rumi: A 13th Century Scholar’s Teachings to Foster Tolerance, Peace and Harmony. *International Journal of Education, Culture and Society*, 4(4), 2–5.